

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**SBW203 - Ekonomi Untuk Perancangan Pembangunan**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 100 markah.

...2/-

1. Apakah petunjuk sosio-ekonomi negara sedang membangun? Bincangkan teori pembangunan yang berlandaskan konsep “modernisasi” sebagai tunjak kepada mencapai taraf “negara maju”.
2. Apakah masalah yang berkaitan dengan fenomena “migrasi dari desa ke bandaraya”? Bincangkan faktor “tolakan” dan “tarikan” yang mendorong kepada fenomena tersebut. Berikan cadangan untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengannya.
3. “Pada abad ke 21, UN [Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu] menjangka pertumbuhan penduduk akan terus meningkat kepada 9.1 billion pada 2050 dan 11 billion pada 2200, di mana 90% daripada penduduk adalah dari negara sedang membangun (Todaro and Smith, 2003).”

Dari perspektif Model Malthusian, apakah masalah yang berkaitan dengan fenomena yang terkandung dalam pernyataan di atas? Mengapakah kadar pertumbuhan penduduk terus meningkat di negara sedang membangun?

4. Semenjak isu alam sekitar menjadi fokus perbincangan di peringkat global, pencemaran dianggap satu faktor pengeluaran dan perdagangan. Ini telah mencetuskan satu ‘Konflik Utara Selatan’ yang baru. Bincangkan pernyataan ini.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan dasar promosi eksport? Apakah pula yang dimaksudkan dengan dasar penggantian import? Bincangkan secara kritis kelebihan dan kekurangan kedua-dua dasar tersebut.
6. Mengapakah kebanyakan negara sedang membangun terperangkap dalam “krisis hutang”? Bincangkan secara kritis penyelesaian masalah hutang di kalangan negara sedang membangun.

